

Modal insan dilihat secara holistik

Tak salah belajar daripada pengalaman Amerika berubah mengikut keperluan

B.H 14/07/07 MS 10



Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

INTI PATI

- Pendedahan mahasiswa cemerlang dapat membantu menjana nilai tambah dan menyumbang ke arah pembentukan modal insan ke arah merealisasikan mat-

modal insan, tetapi tidak semua melakukannya dengan serius atau melalui proses yang teliti.

Antara yang melakukannya dengan pendekatan baik ialah Kementerian Pelajaran menerusi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang mengandungi pembangunan modal insan sebagai satu daripada terasnya.

Semalam dan hari ini berlangsung se-

Justeru, pada 1983, sebuah suruhanjaya kebangsaan mengenai sekolah Amerika mengeluarkan laporan bertajuk 'A Nation at Risk' yang menyatakan bahawa berleluasa mediocrity dalam sistem pendidikannya dan mencadangkan pelbagai bentuk reformasi.

Pada 1987 pula, satu inisiatif reformasi pendidikan digerakkan menerusi Carnegie Forum dan National Center on Education

ISNIN lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan keperluan untuk memperluaskan program penempatan mahasiswa cemerlang dan pensyarah universiti tempatan di institusi pengajian tinggi terkemuka antarabangsa dan tempoh pengajian boleh dilanjutkan bagi membolehkan mereka mendapat pendedahan lebih luas.

Langkah itu, kata beliau dapat membantu menjana nilai tambah dan menyumbang ke arah pembentukan modal insan yang mampu merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Saranan Perdana Menteri menyentuh satu aspek amat penting, iaitu pendedahan. Dalam konteks ini, beliau melihat dari sudut pendedahan antarabangsa. Pada masa ini, ada kira-kira 40 mahasiswa kita mengikuti program penghantaran mahasiswa cemerlang.

Negara maju mengamalkan langkah serupa, malah lebih awal lagi. Antaranya, Amerika Syarikat menerusi program Biasiswa Rhodes dengan menghantar mahasiswa cemerlang belajar di universiti luar negara untuk tempoh tertentu.

Antara tokoh yang pernah mengikuti program itu ialah bekas Presiden Bill Clinton, yang ketika menuntut di Universiti Yale, dihantar ke Universiti Oxford. Di sana, beliau bertemu seorang mahasiswa Amerika dalam program sama, iaitu Robert B Reich, yang kemudian menjadi ahli ekonomi/politik terkenal dan menghasilkan antara buku paling berpengaruh di Amerika pada dekad 90-an, iaitu *The Work of Nations*.

Apabila Clinton menjadi Presiden, beliau melantik Reich sebagai Setiausaha Buruh. Clinton antara Presiden Amerika yang paling memahami perasaan Eropah, manakala Reich antara Setiausaha Buruh paling tepat pemikirannya mengenai langkah memastikan setiap rakyat Amerika ada tempat dalam ekonomi global.

Agaknya, mereka belajar untuk bersikap demikian hasil daripada pendedahan yang diperoleh ketika berada di luar Amerika

ketika berstatus mahasiswa.

- Peluang melanjutkan pelajaran di luar negara patut dimanfaatkan mahasiswa meraih sebanyak mungkin pengalaman berguna untuk kepentingan negara.
- Pengalaman Amerika membina modal insan kelas pertama wajar jadi contoh ke arah melahirkan sumber manusia bertaraf dunia.
- Kita patut sedia untuk berubah mengikut tuntutan dan keperluan. Perubahan itu pula mesti dibuat menerusi proses pemikiran, percambahan idea dan perdebatan yang mendalam, meluas dan terbuka.

ketika berstatus mahasiswa.

Pada masa sama, sejauh mana mahasiswa kita yang belajar di luar negara menimba sebanyak mungkin pendedahan ketika belajar di sana? Soalan ini timbul kerana ada di kalangan mereka selepas beberapa tahun belajar di luar negara, tidak menunjukkan mereka terdedah kepada sesuatu yang baik yang sepatutnya diraih ketika di sana.

Apabila pulang ke tanah air, ada yang tidak banyak berubah. Bahasa Inggeris atau Arabnya atau bahasa lain, tidaklah lebih baik daripada waktu perginya dulu. Ada yang tidak memahami budaya negara tempat mereka belajar, malah ada yang tidak mengenali tokoh besar universiti tempat mereka belajar! Justeru, kita perlu memastikan bahawa pendedahan yang diharapkan itu benar-benar diperoleh dan dimanfaatkan.

Kini, Perdana Menteri memberikan tekanan terhadap modal insan, semua bercakap dan merangka program berkaitan

Semalam dan hari ini, berlangsung seminar yang khusus membincangkan modal insan dari aspek budaya tinggi, kesukarelawanan, penguasaan multilingual, kreativiti dan cintai alam sekitar bagi Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Persoalan ini timbul kerana ada sebahagian daripada kita melihat modal insan hanya dari sudut sempit, iaitu dari segi sumber manusia, manakala ada pula sekadar menjadikannya program bermotif kepentingan politik peribadi, iaitu untuk menunjukkan yang ia menyokong Abdullah.

Dalam konteks ini, tidak salah kita belajar daripada pengalaman Amerika yang terkehadapan dari segi modal insan kelas pertama dalam bidang tertentu. Contohnya, Universiti Harvard dan Universiti Ivy Leaguena sebagai universiti terbaik di dunia, pemenang hadiah Nobelnya yang paling ramai setiap tahun, perbelanjaan pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang paling besar dan dominasinya dalam banyak industri.

Ada banyak faktor menyebabkan Amerika berada di tempat itu. Antaranya ialah kesediaan berubah mengikut tuntutan dan keperluan. Perubahan itu pula tidak dilakukan secara semberono, sebaliknya dibuat menerusi proses pemikiran, percambahan idea dan perdebatan yang mendalam, meluas dan terbuka.

Akibat terkejut Russia melancarkan Sputnik pada 1957, Amerika mengubah kedudukan pendidikan menjadi sebahagian daripada dunia pertahanannya.

Dekad 1960-an menyaksikan reformasi pendidikan Amerika dijalankan secara besar-besaran. Antara buku yang berpengaruh ialah tulisan Jerome Bruner (1960) – *The Process of Education* yang antara lain menyatakan tekad Amerika memperbaiki mutu sains dan matematik.

Pada dekad 1980-an, syarikat besar Amerika berasa terancam akibat persaingan barang buatan Jepun. Orang Amerika tertanya-tanya apa masalah yang dihadapi sektor ekonominya. Satu daripada bidang yang dikaji ialah pendidikan.

Forum and the Economy, lalu menghasilkan buku tulisan Ray Marshall dan Marc Tucker (1992), *Thinking for a Living* yang membincangkan soal 'mismatch' – antara keperluan ekonomi dan sistem pendidikan.

Yang menariknya, pada 2005, Thomas H Davenport, antara sarjana utama bidang pengurusan ilmu (knowledge management), menghasilkan buku dengan judul sama, iaitu *Thinking for a Living*, tetapi dengan fokus lebih advance, iaitu mengenai bagaimana hendak mendapatkan prestasi dan hasil maksimum daripada pekerja, iaitu pekerja berilmu.

Kini, apabila dunia pekerjaan Amerika digugat pekerja negara lain seperti China dan India, bekas Presiden Universiti Harvard, Derek Bok (2006) menulis *Our Underachieving Colleges* yang menyorot persoalan sejauhmana mahasiswa belajar dan mengapa mereka perlu belajar lebih banyak lagi.

Tetapi, modal insan tidak terhad hanya kepada persoalan sumber manusia atau tenaga kerja. Ia lebih daripada itu dan perlu dilihat dari sudut holistik.

Di Amerika, apabila objektif modal insan yang holistik tergugat, maka lahir kritik di kalangan intelektualnya, misalnya, yang paling popular Allan Bloom (1987), *The Closing of the American Mind*. Di samping itu, ada buku Noam Chomsky dan Donald Macedo, (2000), *Chomsky on MisEducation*, manakala tulisan lebih vokal oleh Ivan Illich, *Deschooling Society* dan Paulo Freire, *Pedagogy of the Oppressed*, menjadi antara buku terlaris.

Tidak semua pemikiran Amerika berkaitan pendidikan dan modal insan betul dan sesuai dengan kita. Tetapi, hakikatnya mereka berfikir dan menulis. Persoalannya ialah, sejauhmana kita mampu menghasilkan pemikiran besar mengenai pendidikan dan modal insan kita?

Datuk Saifuddin Abdullah ialah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)